



## **Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester II, Sesi Akademik 2015/2016**

### **Kertas Soalan Peperiksaan**

<b>Kod Kursus</b>	<b>: SP5311</b>
<b>Nama Kursus</b>	<b>: Undang-Undang Harta Islam</b>
<b>Peringkat Kursus</b>	<b>: Diploma Perundangan Islam dan Guaman Syari'e</b>
<b>Masa</b>	<b>: 3 jam</b>

#### **Nota :**

Jawab empat (4) soalan sahaja. Soalan pertama adalah wajib.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

### **Soalan Pertama (14 markah)**

1. "Milik ialah penguasaan dengan sesuatu yang menghalang orang lain campur tangan tentangnya. Orang yang memilikinya itu boleh mengurus atau mentadbir barang itu mulai memilikinya kecuali terdapat halangan Syara'."  
Sila huraikan maksud dari definisi milik tersebut. (6 markah)
2. Fuqaha Islam telah membahagikan Iqta' kepada tiga jenis Iqta' iaitu: Tamlik, Istighlal dan Irfaq.  
Sila huraikan dengan lebih terperinci ketiga-tiga jenis Iqta' tersebut berserta contoh. (6 markah)
3. Ilmu Mirath dan Ilmu Fara'id (pusaka) merupakan salah satu daripada cabang ilmu agama Islam yang sangat penting dan sangat digalakkan untuk dipelajari dan diajarkan kepada orang lain.  
Bezakan antara hijab pengharaman dan hijab pengurangan berserta contoh.  
(2 markah)

### **Soalan Kedua (12 markah)**

Syarikat mengharuskan wasiat kerana ia membawa faedah kepada pewasiat, kaum keluarga dan masyarakat amnya.

1. Sila berikan definisi wasiat dari sudut Bahasa dan Syarak berserta dalil pensyariatannya dari ayat al-Quran dan al-Hadith. (4 markah)
2. Terangkan faedah-faedah yang diterima oleh pewasiat, kaum keluarga dan masyarakat amnya dari amalan melakukan wasiat. (4 markah)
3. Dalam beberapa keadaan, wasiat akan berubah hukumnya kepada wajib, haram, harus dan makruh. Jelaskan. (4 markah)

### **Soalan Ketiga (12 markah)**

Wadi'ah atau simpanan merujuk kepada perbuatan meletakkan sesuatu barang kepada seseorang yang bukan pemiliknya untuk dijaga. Menurut Syara', ianya merujuk kepada kontrak penyimpanan yang membawa maksud sesuatu yang dihormati secara khusus (muhtaram makhsus) dengan cara yang tertentu.

1. Apakah yang dimaksudkan dengan muhtaram makhsus dalam konteks ini dan berikan contoh. (2 markah)
2. Jika seseorang menyimpan sesuatu barang kepada dua orang penjaga sama ada barang tersebut yang boleh dipisahkan dan yang tidak boleh dipisahkan. Sila jelaskan dalam kedua-dua keadaan tersebut. (4 markah)
3. Bilakah berlakunya penamatan kontrak simpanan antara penyimpan iaitu pemilik barang dan penjaga barang? Sila huraikan secara terperinci. (6 markah)

### **Soalan Keempat (12 markah)**

Ilmu Mirath dan Ilmu Fara'id (pusaka) merupakan salah satu daripada cabang ilmu agama Islam yang sangat penting dan sangat digalakkan untuk dipelajari dan diajarkan kepada orang lain .

- a. Sebutkan serta huraikan secara terperinci sebab-sebab seseorang itu berhak dan terhalang untuk mendapatkan harta pusaka. (8 markah)
- b. Pusaka terbahagi kepada 2 jenis: fard dan 'asabah. Nyatakan dari sudut Bahasa dan Istilah kedua-dua jenis pusaka berkenaan dan nyatakan pembahagian Fard yang ditetapkan dalam al-Qur'an. (4 markah)

**Soalan Kelima (12 markah)**

1. Pengawas bagi harta wakaf ialah orang yang paling layak mengawasi harta wakaf tersebut kerana dialah orang yang ditetapkan sendiri oleh pewakaf.
  - a. Apakah syarat-syarat yang perlu dipenuhi bagi melayakkan seseorang itu untuk mengawasi harta wakaf? (2 markah)
  - b. Bolehkah pengawas meminta untuk dibayar upah atas sebab tugas yang dilaksanakannya itu? Sila hurlakan. (2 markah)
2. Sila berikan hukum-hukum dan sebab dalam permasalahan anugerah berikut:
  - a. Penerimaan anugerah melalui wakil bagi kanak-kanak.
  - b. Isteri yang masih kecil selepas berlangsung majlis perkahwinan.
  - c. Penjaga kepada orang yang berada di bawah jagaannya.
  - d. Bapa meminta semula anugerah yang telah diberikan kepada anaknya.

(8 markah)

بالتوفيق والنجاح